



JURNAL LINGUISTIK Vol. 20 (1) Jun.2016 (026-032)

Rumus Bahasa dalam Kosa Kata Slanga

Noor Husna binti Abd. Razak & Hasnah binti Mohamad

ansuh86@yahoo.com, hasnah_m@upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia,

Abstrak

Pembangunan blog dalam dunia siber berkembang dengan pesat seterusnya mempengaruhi perkembangan bahasa. Perbezaan penggunaan bahasa telah mewujudkan jurang generasi (Ramaa Prasad, 1992). Hal ini disebabkan penggunaan bahasa yang berbeza telah menyukarkan komunikasi. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan kosa kata slang yang digunakan di dalam blog dan mencadangkan rumus pembentukan kosa kata slang berdasarkan teori morfologi generatif. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap blog. Data bahasa slang diperoleh daripada korpus blog yang berjumlah 57, 532 kata dengan menggunakan program Textstat. Data kajian dianalisis menurut kerangka teori morfologi generatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga jenis proses pembentukan perkataan iaitu (1) pengimbuhan, (2) akronim, dan (3) penggandaan. Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan dari aspek normalisasi teks bagi membangunkan perisian dalam bidang IT untuk tujuan mengesan jenayah, salah laku atau perkara negatif yang berlaku di dalam media sosial.

Kata kunci: kosa kata slang, laman blog, pembentukan kosa kata, rumus morfologi generatif.

Abstract

The development of blog in virtual world has progressed so rapidly that it has influenced the language. The differences in language use caused difficulty to communicate across. This has created the generation gap (Ramaa Prasad, 1992). This study describes the vocabulary of slang used in the blog and suggests formula formation of slang vocabulary based on theory of morphology generative. This study used the method of content analysis on blog site. The data used in the study comprises 57,532 slang words using Textstat programme. The data are analysed according to the generative morphology framework. As the result of this study, there are three types of word formation. They are (1) affixation, (2) acronyms, and (3) reduplication. The result of this study gives an implication to IT field in terms of text normalization for developing software for crime detect in social media.

Keywords: slang vocabulary, blog site, word formation, morphology generative formula.

1. Pengenalan

Bahasa memainkan peranan yang penting dalam komunikasi seharian. Manusia menggunakan bahasa untuk memberi maklumat, menyampaikan perasaan dan idea kepada orang lain. Inilah sebabnya bahasa boleh dikatakan sebagai medium komunikasi. Bahasa digunakan dalam situasi formal dan tidak formal. Bahasa standard digunakan dalam konteks rasmi manakala dalam konteks tidak rasmi selalunya menggunakan bahasa tidak formal. Terdapat beberapa kepelbagaian bahasa yang digunakan dalam konteks tidak rasmi. Salah satunya adalah slang.

Slang merujuk kepada Kamus Dewan edisi keempat (2005) bermaksud kata-kata yang terdiri daripada ungkapan dan sebagainya yang tidak tergolong dalam bahasa baku, sering digunakan dalam percakapan tidak rasmi. Slang juga boleh diertikan sebagai penyimpangan norma sebutan atau tatabahasa di dalam pertuturan.

Coleman (2012) juga mencadangkan bahawa slanga dibezakan dalam perubahan semantik yang lebih umum kerana ia biasanya mempunyai kaitan dengan tahap tertentu 'keseronokan'. Pembangunan slanga adalah dianggap sebahagian besarnya proses ucapan yang "spontan, meriah, dan kreatif".

Francis Katamba dalam *English Words* (2005) mendefinisikan slanga sebagai istilah yang digunakan untuk menghuraikan salah satu variasi bahasa yang mempunyai kosa kata yang tidak formal atau yang bukan standard. Menurut Asmah Haji Omar dalam *Ensiklopedia Bahasa Melayu* (2015), slanga ialah kata dan frasa yang digunakan dalam situasi yang tidak formal dan tidak boleh dikatakan sebagai halus.

Perkara seumpama ini terjadi dalam semua bahasa di dunia, tambahan pula slanga muncul seusia atau lebih awal dengan bahasa bagi sesebuah bangsa (Nik Safiah Karim, 1996). Teo Kok Seong (1996) juga mengatakan bahawa slanga yang kompleks sifatnya telah wujud sejak bahasa mula muncul dalam tamadun manusia. Fenomena slanga bukanlah suatu yang baru, malah sudah wujud dalam masyarakat semenjak masyarakat tersebut mempunyai bahasa rasmi yang digunakan dalam situasi formal. Ini kerana slanga hanya digunakan dalam kalangan kelompok masyarakat tertentu dalam situasi tidak formal.

Pada zaman globalisasi ini, terdapat pelbagai medium seperti blog, WhatsApp, Twitter dan Facebook yang menjadi bahan untuk menyampaikan maklumat dan menjadi kegilaan remaja. Akibatnya, remaja menggunakan medium globalisasi ini untuk berhubung antara satu sama lain dan secara langsung telah mengembangkan lagi bahasa slanga dengan lebih mudah. Kesan penggunaan bahasa yang serba mudah dan meluas ini banyakkah kosa kata slanga baharu yang muncul bagi memudahkan pengungkapan sesuatu perkara. Kosa kata baharu ini pada peringkat awal digunakan hanya untuk memeriahkan suasana sahaja, namun demikian lama kelamaan kosa kata tersebut menjadi budaya dalam percakapan. Hal ini menyebabkan generasi muda yang akan datang terpengaruh dengan budaya bahasa slanga yang digunakan pada masa kini.

1.1 Pernyataan masalah

Slanga di dalam media sosial merupakan tanda kesedaran sosial dan perkongsian pengetahuan budaya popular. Slanga telah menjadi lumrah sejak awal 2000-an berikutan peningkatan populariti perkhidmatan rangkaian sosial, termasuk Facebook, Twitter dan Instagram. Slanga media sosial berbentuk penulisan dan tidak dapat diterima dalam suasana formal.

Perkembangan penggunaan media sosial yang semakin pesat secara tidak langsung meluaskan penggunaan bahasa slanga. Pengguna media sosial menggunakan media sosial untuk pelbagai tujuan khususnya untuk tujuan komunikasi. Penggunaan bahasa slanga yang sangat santai tanpa menghiraukan ketertiban bahasa amat membimbangkan. Hal ini kerana, kekerapan penggunaan media sosial dalam kalangan pengguna secara tidak langsung akan mendedahkan pengguna dengan penggunaan bahasa slanga yang menyalahi sistem bahasa Melayu standard. Situasi ini berkemungkinan akan mempengaruhi pengguna tersebut menggunakannya dalam situasi formal.

Selain itu, perbezaan penggunaan bahasa telah mewujudkan jurang antara generasi. Hal ini disebabkan penggunaan bahasa yang berbeza boleh menyukarkan komunikasi antara generasi yang berbeza. Isu ini dapat dilihat dalam masyarakat, seperti dalam komunikasi seharian di rumah, di tempat kerja, atau di institusi pendidikan. Menurut Ramaa Prasad (1992), simbol paling penting manusia adalah bahasa mereka dan melalui bahasa ini mereka mentakrifkan realiti. Fenomena ini dapat dilihat pada generasi baharu yang sering ingin menonjolkan kelainan dari aspek bahasa, lalu mereka mengamalkan bahasa baharu dan slanga, seterusnya membentuk jurang perbezaan daripada generasi yang sebelumnya.

1.2 Objektif kajian

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan, pengkaji menetapkan objektif kajian, iaitu untuk menghuraikan proses pembentukan kosa kata slanga yang digunakan di dalam blog, dan seterusnya menganalisis pembentukan kosa kata slanga berdasarkan teori morfologi generatif.

1.3 Bahan dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan kajian terhadap kosa kata slanga dalam blog. Selain itu, penganalisan data kajian ini ditunjangi oleh tiga rumus dalam Teori Morfologi Generatif, iaitu rumus pengimbuhan, rumus pengakroniman dan rumus penggandaan.

2. Sorotan literatur

Bahasa slanga sudah banyak diberi tumpuan oleh pengkaji bahasa terdahulu dalam pelbagai peringkat, sama ada di luar negara mahupun di dalam negara. Antara kajian tentang penggunaan slanga adalah, seperti Minah Sintian (2015) yang bertajuk ‘Penggunaan Slanga Dalam Kalangan Pelajar Kadazan Dusun’ yang mengenal pasti leksikal slanga yang dituturkan oleh pelajar Kadazan Dusun, mengenal pasti fungsi leksikal yang diujarkan dan menjelaskan faktor timbulnya leksikal slanga tersebut. Seramai 20 orang pelajar etnik Kadazan Dusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah dipilih sebagai responden kajian. Data diperolehi menggunakan kaedah temu bual bersemuka jenis semi struktur, dan kajian sosiologi menjadi teras kepada penghuraian dan analisis data. Dalam kajian tersebut, beliau telah menjelaskan mengenai fungsi yang terdapat dalam ujaran pelajar Kadazan Dusun berdasarkan model sosiologi bahasa deskriptif oleh Fishman. Dapatan kajian menunjukkan pelajar cenderung menggunakan bahasa slanga dalam kalangan kumpulan mereka sahaja atas tujuan gurauan, slogan dan melahirkan perasaan. Salah satu faktor pengungkapan leksikal slanga ialah bawaan daripada kebiasaan dalam persekitaran keluarga dan masyarakat di negeri Sabah. Antara perkataan dan frasa yang sering kali digunakan ialah “sipag”, “haro harapan?”, “JKK” dan “mana saya tau, saya mabuk”. Leksikal slanga yang diungkapkan mempunyai ciri-ciri kedaerahan dan etnisiti dari sudut kata, dan sebutan selari dengan pengalaman hidup pelajar.

Nor Hafidah Ibrahim (2011) dalam kajiannya yang bertajuk “Penggunaan slanga dan percampuran bahasa melatari laman blog remaja: suatu tinjauan awal” juga telah mengenal pasti dan menganalisis percampuran bahasa dan slanga dalam ruangan blog remaja. Dalam kajian tersebut, beliau melihat kesendirian kata atau frasa yang meliputi beberapa aspek seperti percampuran bahasa dan penggunaan slanga. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan penulis blog lebih gemar mencampurkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Penggunaan slanga pula mendapati pengguna slanga bukan hanya menjadikan bahasa Inggeris sahaja sebagai slanga, tetapi mereka juga membina istilah tertentu dalam interaksi sosial.

Sementara itu, Mike Thelwall (2009) mengkaji slanga dalam komen MySpace. Dalam kajian itu beliau mendapati komen biasanya untuk pemeliharaan persahabatan umum dan biasanya pendek, dengan 95 peratus mempunyai 57 atau sedikit perkataan. Komen tersebut mengandungi kombinasi ejaan standard, kesilapan secara kebetulan, slanga, cebisan ayat, slanga tipografi dan celahan. Beberapa variasi ejaan kreatif baharu yang berasal daripada bentuk-bentuk komunikasi perantaraan-komputer yang sebelumnya telah menjadi amat biasa, termasuk *u*, *anda*, *:*, *haha* dan *lol*. Majoriti Komen (97 peratus) mengandungi sekurang-kurangnya satu ciri-ciri bahasa bukan standard, yang mencadangkan bahawa hampir sejagat ahli mengiktiraf mesej jenis aktiviti tidak formal ini.

Secara umumnya kajian-kajian yang lepas menunjukkan bahawa slanga dari aspek-aspek yang berlainan telah dilihat dalam media sosial, media cetak dan institusi pendidikan. Namun demikian, kajian lepas terhadap penggunaan bahasa slanga lebih ditumpukan kepada aspek sosiolinguistik slanga serta penggunaannya dalam kelompok masyarakat tertentu. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan menganalisis slanga dari aspek morfologi dan penggunaannya dalam penulisan blog agar dapat memperlihatkan kepada masyarakat bahawa slanga telah menular penggunaannya dalam pelbagai media dan bukan hanya digunakan oleh kelompok masyarakat tertentu.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan Teori Transformasi Generatif. Pengumpulan maklumat dan pelaksanaan kajian dicapai melalui dua cara, iaitu dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan kaedah kajian lapangan.

Teori Morfologi Generatif mula mendapat tempatnya dalam perkembangan Teori Nahu Transformasi Generatif dengan terhasilnya kajian Aronoff (1976) yang bertajuk *Word Formation in Generative Grammar*. Kajian morfologi menurut kerangka Teori Generatif tertumpu pada aspek pemformalisan rumus yang membina atau menerbitkan kata-kata terbitan yang wujud dalam sesuatu bahasa itu. Seterusnya, proses pergandingan morfem, perubahan bunyi dan perbatasan bunyi dapat dihuraikan melalui rumus yang digelar Rumus Binaan Perkataan

(RBP). RBP juga akan menentukan label leksikon ke atas dasar kata dan juga perkataan yang dihasilkan, berserta dengan tafsiran semantikanya.

3.1 Kaedah analisis kandungan

Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti kosa kata slanga yang digunakan di dalam blog. Kosa kata slanga dipilih daripada 50 buah blog yang terdiri daripada blog peribadi atau “diari” persendirian dalam bahasa Melayu yang dipaparkan dalam internet dari tahun 2011 hingga 2016. Tempoh lima tahun, daripada 2011 hingga 2016 dipilih untuk mendapatkan variasi data dalam tempoh lima tahun tersebut. Pengkaji memilih sebanyak 50 buah blog berbahasa Melayu daripada pelbagai tema serta mempunyai kunjungan tertinggi iaitu antara 1,000 hingga 50,000 pengunjung. Pengkaji menetapkan panjang paparan blog bagi setiap blog dibataskan kepada 1,000 patah perkataan. Penetapan 50 blog sebagai sampel kajian bermakna data kajian ini mengandungi 50,000 patah perkataan. Dengan bilangan perkataan yang banyak, penggunaan slanga dapat dikaji secara lebih meluas dan pelbagai. Blog peribadi dipilih sebagai sampel kajian kerana penulis blog bebas memaparkan gaya bahasa yang tersendiri seperti percampuran kod, penggunaan akronim, emotikon dan pengulangan dan sebagainya jika dibandingkan dengan blog yang lain (Teoh Jun Yong, 2012).

Proses mendapatkan kosa kata slanga dilaksanakan dengan menggunakan kaedah korpus, iaitu program Textstat. Berdasarkan program Textstat yang digunakan, pengkaji menemui sebanyak 57, 532 jumlah kosa kata keseluruhan daripada 50 buah blog yang dikaji.

4. Dapatan kajian

4.1 Kosa kata slanga yang digunakan di dalam blog

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2009: 598), proses pembentukan kata ialah proses yang terlibat dalam penghasilan binaan-binaan perkataan, iaitu bagaimana morfem sebagai unsur perkataan disusun dan dicantumkan untuk membentuk perkataan.

Untuk menjawab objektif pertama kajian ini, iaitu menghuraikan kosa kata slanga yang digunakan di dalam blog, proses pembentukan kata dijelaskan dari sudut morfologi, iaitu bahagian tatabahasa yang memberikan perhatian terhadap perkataan dan pembentukan kata (O’Grady & Archibald 2009: 109).

Berdasarkan analisis penggunaan slanga di dalam blog, terdapat tiga proses pembentukan kosa kata slanga. Proses-proses tersebut ialah pengimbuhan, pengakroniman dan penggandaan.

4.2 Pengimbuhan

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2009), kata terbitan merupakan bentuk perkataan yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan, iaitu proses yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar.

Jadual 1: Kosa kata slanga yang dibentuk melalui pengimbuhan.

Kosa kata slanga	Contoh ayat	Makna
Berjimba	Dah habis charge tenaga, lepas zohor pergi berjimba pula.	Bersuka-ria
Meletops	Orang datang hotel kemain cantik meletops bagai kan, aku pakai siper hangat jepun je de	

Berdasarkan Jadual 1, perkataan **berjimba** dan **meletops** terbentuk melalui pengimbuhan. Perkataan **berjimba** menggunakan imbuhan awalan ber- manakala perkataan **meletops** menggunakan imbuhan awalan me-. Pengguna blog memilih untuk menggunakan perkataan-perkataan ini berbanding perkataan lain yang mempunyai makna yang sama disebabkan mereka ingin mempelbagaikan pemilihan perkataan dalam berinteraksi di samping memeriahkan suasana.

4.3 Pengakroniman

Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2008), akronim bermaksud perkataan yang diterbitkan melalui proses penggabungan singkatan beberapa perkataan dan membentuk satu perkataan yang utuh. Bentuk-bentuk singkatan terdiri daripada suku kata atau huruf-huruf tertentu. Tambahan lagi, akronim juga tergolong dalam kata tunggal. Nik Safiah Karim et al. (2009) menyatakan akronim ialah kata singkatan yang terbentuk dengan menggabungkan huruf awal dan suku kata atau dengan menggabungkan huruf awal dan suku kata daripada satu rangkaian kata, dan ditulis serta dilafazkan sebagai perkataan yang utuh (Nik Safiah Karim et al. 2009: 66). Jadi pengakroniman ialah satu perkataan yang terdiri daripada bahagian-bahagian lain perkataan yang digabungkan untuk membentuk perkataan baharu, seperti dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Kosa kata slanga yang dibentuk melalui pengakroniman.

Kosa kata slanga	Contoh ayat	Makna
Letteww	Kalau suruh balik tu almaklum, bye bye.. tak dapat letteww ..	Lah itu
Tanak	Aku dah cakap 2 kali.. nak buat, buat.. tanak buat sila bayar je bil.	Tidak hendak
Tatahan	Tp lepas seminggu sakit contraction teruk baruuuu la tatahan sgt sakit 25th jan pukul 2 pagi kot pergi hospital	Tidak tahan
Tatao	Hari ni tatao kenapa instinct kuat sangat . Baru buka keek then blog pula .	Tidak tahu
Watek	runtuh hati ni. terngiang-ngiang ayat tu sampai kiamat. terasa wey. tapi watek je time tu.	Buat relax

Berdasarkan Jadual 2 di atas, perkataan **letteww**, **tanak**, **tatahan**, **tatao** dan **watek** merupakan perkataan yang dibentuk melalui pengakroniman. Kesemua kosa kata slanga ini merupakan kata akronim bahagian awal perkataan pertama dengan bahagian lain dalam perkataan yang mengikutinya. Kata akronim jenis ini dibentuk melalui huruf atau suku kata perkataan pertama dengan bahagian awal perkataan yang lain (Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 1989). Kajian memaparkan bahawa pengguna blog menggunakan perkataan-perkataan ini untuk menunjukkan bahawa mereka mengikuti arus peredaran masa.

4.4 Penggandaan

Berdasarkan Tatabahasa Dewan (1989), kata ganda ialah kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar sama ada kata ganda tersebut diulang secara keseluruhan atau pada bahagian-bahagian tertentu dan dengan imbuhan atau tanpa imbuhan. Terdapat tiga jenis proses pembentukan penggandaan, iaitu penggandaan penuh, penggandaan separa dan penggandaan berentak. Penggandaan penuh melibatkan pengulangan seluruh perkataan, penggandaan separa meniru hanya sebahagian perkataan manakala penggandaan berentak pula merupakan gandaan yang didasarkan di atas rentak bunyi iaitu seluruh dasar kata digandakan tetapi dengan perubahan atau persamaan bunyi tertentu.

Jadual 3: Kosa kata slanga yang dibentuk melalui penggandaan.

Kosa kata slanga	Contoh ayat	Makna
Tong-tong	So, kalau pegi Korea, pegi la ramai-ramai, tong-tong dapat murah sikit.	Kongsi
Riban-riban	nk beli riban2 mmg x mampu derr.	Ribu-ribu
Kaw kaw	memang bahan kaw-kaw nieee	Gila-gila
Seksi meksi	simpan seksi meksi tu tuk hubby	Seksi-seksi
Ketat metat	dulu saye pun pena nak try pakai jeans ketat metat tapi abah berkeras tak bagi pakai jeans	Ketat-ketat

Berdasarkan Jadual 3, perkataan **tong-tong**, **riban-riban** dan **kaw-kaw** merupakan penggandaan penuh, manakala perkataan **seksi-meksi** dan **ketat-metat** pula merupakan penggandaan berentak. Kajian menunjukkan bahawa pengguna blog menggunakan proses penggandaan disebabkan ciri-ciri kata ganda yang menarik dan

berulang-ulang untuk tujuan menarik perhatian pengguna terhadap perkara yang dibincangkan. Selain itu, penggandaan juga digunakan untuk memberi penegasan kepada makna sesuatu perkataan.

4.5 Rumus cadangan pembentukan perkataan slanga berdasarkan teori morfologi generatif

RBP yang melibatkan pengimbuhan awalan beR- dengan KK dapat dirumuskan seperti yang berikut:

Rumus untuk perkataan ‘berjimba’

[beR- [jimba]_{KK}]_{KK}

RBP di atas bermaksud awalan beR- bergabung dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KK akan menghasilkan kata terbitan yang tergolong dalam kelas KK. Perkataan berjimba merupakan imbuhan awalan beR- dengan makna “melakukan perbuatan X”. Penghasilan kata terbitan melalui proses pengimbuhan beR- dengan kata dasar KK tidak melibatkan sebarang perubahan golongan kelas kata. Oleh itu, imbuhan beR- dalam konteks ini dikatakan berfungsi sebagai penetap golongan.

Rumus untuk perkataan ‘meletops’

[me- [letops]_{KK}]_{KAdj}

RBP di atas bermaksud awalan me- bergabung dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KK akan menghasilkan kata terbitan yang tergolong dalam kelas KAdj. Perkataan meletops merupakan imbuhan awalan me- dengan makna “ berada dalam keadaan X”. Penghasilan kata terbitan melalui proses pengimbuhan me- dengan kata dasar KK melibatkan perubahan golongan kelas kata. Oleh itu, imbuhan me- dalam konteks ini dikatakan berfungsi sebagai pengubah golongan.

RBP yang melibatkan pengakroniman dapat dirumuskan seperti yang berikut:

Sil + X # + # X + Sil

Lah itu = letteww

Tidak hendak = tanak

Buat rileks = watlek

Sil + X # + Kata

Tidak tahan = tatahan

Tidak tahu = tatao

Perkataan ‘letteww’, ‘tanak’ dan ‘watlek’ terdiri daripada gabungan bentuk kependekan daripada sekelompok perkataan, iaitu kependekan berbentuk suku kata pertama dalam perkataan pertama dengan suku kata akhir dalam perkataan berikutnya. Manakala perkataan ‘tatahan’ dan ‘tatao’ merupakan kependekan berbentuk suku kata pertama dalam perkataan pertama dengan kata penuh berikutnya.

RBP yang melibatkan penggandaan dapat dirumuskan seperti yang berikut:

Penggandaan penuh

[tong]_{KN} → [tong-tong]_{KAdj}

[riban]_{K Bil} → [riban-riban]_{K Bil}

[kaw]_{KAdj} → [kaw-kaw]_{KAdj}

Penggandaan berentak

[seksi]_{KAdj} → [seksi-meksi]_{KAdj}

[ketat]_{KAdj} → [ketat-metat]_{KAdj}

Perkataan **tong-tong**, **riban-riban** dan **kaw-kaw** merupakan penggandaan penuh, manakala perkataan **seksi-meksi** dan **ketat-metat** pula merupakan penggandaan berentak. Penggandaan penuh merupakan gandaan seluruh dasar kata manakala penggandaan berentak merupakan gandaan yang didasarkan di atas rentak bunyi iaitu seluruh dasar kata digandakan tetapi dengan perubahan atau persamaan bunyi tertentu (Tatabahasa Dewan, 1989). Perkataan **seksi-meksi** dan **ketat-metat** merupakan gandaan berentak persamaan vokal. RPK menunjukkan perkataan slanga boleh berubah golongan kata apabila digandakan.

5. Kesimpulan

Melalui perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa komunikasi di dalam blog melibatkan penggunaan kosa kata slanga. Analisis menunjukkan bahawa terdapat tiga proses pembentukan kosa kata slanga, iaitu pengimbuhan, pengakroniman dan penggandaan. Selain itu, teori morfologi generatif yang diterapkan didapati berjaya menjelaskan proses pembentukan kosa kata slanga dalam kajian ini.

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan imbuhan bahasa Melayu dalam perkataan slanga seperti berjimba dan meletops. Pengguna slanga juga didapati agak kreatif dalam penciptaan kosa kata baharu baharu melalui proses pengakroniman seperti letteww dan watlek. Selain itu, proses penggandaan juga memperlihatkan kekreatifan pengguna dalam mencipta kosa kata baharu, seperti tong-tong dan kaw-kaw. Kesimpulannya, interaksi antara pengguna blog telah mengembangkan lagi penggunaan kosa kata slanga.

Bibliografi

- Aronoff, Mark, 1976. *Word Formation in Generative Grammar*. Cambridge: Massachusetts Institute of Technology, The MIT Press.
- Asmah Haji Omar, (2015). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Coleman, Julie, (2012). *Life of slang* (1. publ. ed.). Oxford: Oxford University Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katamba, F. X. (2005). *English words* (2nd ed.). London: Routledge.
- Mike Thelwall, 2009. "MySpace Comments", *Online Information Review*, Vol. 33 Iss 1 hlm. 58-76.
- Minah Sintian, 2015. "Penggunaan slanga dalam kalangan pelajar Kadazan Dusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris". *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu IX*. Universiti Putra Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn dan Hashim Hj. Musa, 1989. *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, 1996. *Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu: Unsur Bahasa Asing Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al 2008. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al., 2009. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hafidah Ibrahim, 2011. "Penggunaan bahasa slanga dan percampuran bahasa melatari laman blog remaja: suatu tinjauan awal". *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII*. Universiti Putra Malaysia, 9-10 November.
- O'grady, W.D. & Archibald, J., 2009. *Contemporary Linguistic Analysis: An Introduction*. Toronto: Pearson Longman.
- Ramaa Prasad (1 December 1992). *Generation Gap, a Sociological Study of Inter-generational Conflicts*. Mittal Publications. ISBN 978-81-7099-351-3. Retrieved 7 June 2016.
- Teo Kok Seong. "Slanga: Satu fesyen pertuturan" dlm. *Pelita Bahasa* 8: 4, April 1996.
- Teoh Jun Yong (2012), *Penggunaan Bahasa Cina dalam weblog di Malaysia*. Dissertation (M.M.L.S.). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.